

08/08/2003

Tingkat kerjasama perangi keganasan

JAMINAN Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia, Marie T Huhtala, bahawa serangan bom terbaru terhadap kepentingan Amerika di Indonesia Selasa lalu tidak akan menjejaskan pelaburan Amerika di negara ini, amat dialu-alukan terutama ketika media Barat, khususnya Cable News Network (CNN) mengembar-gemburkan laporan bahawa rantau ini dalam keadaan gawat akibat ancaman kumpulan militan Islam, termasuk Jemaah Islamiah di Indonesia dan Abu Sayyaf di Filipina. Kita percaya pelabur asing tidak akan terpengaruh dengan dakwah berkenaan kerana kerajaan sudah membuktikan kemampuannya memastikan negara dalam keadaan aman dan stabil.

Tindakan Washington tidak mengeluarkan amaran perjalanan terhadap Kuala Lumpur juga membuktikan keyakinan mereka dengan langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menangani ancaman dan serangan pengganas. Kejayaan kita menumpaskan kegiatan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah dan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) adalah bukti betapa kita serius dalam usaha memerangi keganasan. Seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerajaan sudah mengambil pelbagai langkah membendung sebarang ancaman kepada keselamatan negara, malah sejak sebelum berlakunya tragedi